

**KPDNHEP
MENJAWAB...**

1 Adakah pusat pengedaran (DC) dibenarkan beroperasi seperti biasa?

DC yang membabitkan bekalan barangan keperluan harian dan makanan merangkumi e-commerce warehouse (gudang e-dagang) dan supporting warehousing services dibenarkan beroperasi.



2 Adakah restoran, seksyen Ready to Eat (RTE) (sedia dimakan) dan bakeri dibenarkan beroperasi?

Semua premis berkenaan boleh dibuka tetapi hanya untuk makanan yang dibawa pulang sahaja dan pandu lalu atau melalui perkhidmatan penghantaran seperti Grab Food atau Food Panda. Makan di restoran adalah tidak dibenarkan.

3 Bagaimana dengan operasi medan selera dan penyewa yang beroperasi di dalam pasar raya?

Operasi boleh dibuka, tetapi hanya untuk makanan yang dibawa pulang sahaja atau melalui perkhidmatan penghantaran. Makan di restoran tidak dibenarkan. Hanya premis farmasi sahaja dibenarkan beroperasi di dalam pasar raya.

4 Bagaimana operasi peruncitan pusat beli-belah?

Operasi peruncitan (makanan dan barangan keperluan harian sahaja) boleh diteruskan atas rundingan antara penyewa dan pemilik premis.

5 Bagaimana operasi kedai makan, kedai runcit, kedai serbaneka dalam specialty store?

Premis berkenaan dibenarkan beroperasi seperti biasa tetapi hanya untuk makanan dibawa pulang sahaja atau melalui perkhidmatan penghantaran oleh syarikat tertentu. Makan di premis tidak dibenarkan.



6 Adakah operasi ibu pejabat syarikat peruncitan dibenarkan beroperasi?

Ibu pejabat syarikat peruncitan dibenarkan terus beroperasi seperti biasa. Namun, pengurusan syarikat perlu mengenal pasti sektor, bahagian atau unit yang perlu diklasifikasikan sebagai essential services (perkhidmatan penting) untuk hadir bekerja. Manakala, bagi sektor, bahagian atau unit non-essential services (bukan perkhidmatan penting) perlu mengambil langkah bekerja di rumah.

7 Adakah KPDNHEP akan mengeluarkan kenyataan bagi mengehadkan pembelian setiap pengguna?

KPDNHEP menggalakkan pasar raya melakukan kawalan sendiri bagi menangani pembelian barangan makanan dan keperluan harian dengan jumlah tidak munasabah oleh pengguna.

8 Bagaimana operasi pusat beli-belah yang mempunyai pasar raya dan barangan kelengkapan rumah, fesyen dan medan selera?

Hanya bahagian menjual barang makanan dan barangan keperluan harian dibenarkan beroperasi.

9 Adakah perkhidmatan dobi layan diri boleh diteruskan?

Dobi layan diri tidak boleh beroperasi sepanjang tempoh ini bagi mengelakkan orang ramai berkumpul.



10 Adakah perkhidmatan kawalan keselamatan (security guard) di pasar raya masih boleh diteruskan?

Perkhidmatan yang berkaitan dengan keselamatan boleh diteruskan.

11 Adakah perkhidmatan e-commerce (e-dagang) dianggap sebagai essential services (perkhidmatan penting)?

Ya.

12 Adakah pembelian atas talian, penghantaran dan pemasangan di rumah pelanggan dibenarkan?

Ya.

13 Adakah pusat panggilan perkhidmatan pelanggan dibenarkan beroperasi?

Ya.

14 Adakah kerja pengubahsuaian premis perniagaan boleh diteruskan?

Bagi kerja pengubahsuaian yang sedang berjalan adalah perlu ditangguhkan. Sekiranya terdapat isu keselamatan, pihak syarikat perlu mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk kerja pengubahsuaian diteruskan.

15 Adakah penghantar barangan seperti lampin pad sanitari dikira sebagai essential item (barangan penting)?

Ya.

16 Jika semua pusat beli-belah ditutup. Adakah kedai di lapangan terbang turut terbabit?

Hanya penyewa industri farmasi klinikal, pasar raya, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian sahaja dibenarkan terus beroperasi.

